UUM tiada kuota kenaikan pangkat pensyarah

UUM 19/11/05 27:1.

SINTOK 18 Nov. — Universiti Utara Malaysia (UUM) tidak menetapkan sebarang kuota untuk kenaikan pangkat seseorang pensyarah ke jawatan kanan berbanding dengan jawatan dalam kumpulan pentadbiran.

Pendaftar UUM, Latifah Hassan berkata, 788 pensyarah biasa Gred DS 45 boleh dinaikkan pangkat ke pensyarah kanan (DS52), profesor madya (DS54) atau profesor (Gred Khas C ke atas) tanpa memerlukan perjawatan naik pangkat seperti staf pentadbiran.

"Saya tidak mahu membandingkan kelebihan pensyarah dengan perjawatan lain dalam pentadbiran atau perkhidmatan awam yang memerlukan 10 hingga 15 tahun baru dipertimbangkan kenaikan pangkat, seperti kerjaya guru berbanding pensyarah hanya lima hingga tujuh tahun.

"Saya yakin pensyarah adalah mereka yang sanggup mengabdikan diri pada ilmu, menjana ilmu baru dan menyampaikannya kepada orang ramai dan inilah sebab polisi serta prosedur yang ada untuk kenaikan pangkat pensyarah berdasarkan kecemerlangan ilmu," katanya dalam kenyataan akhbar hari ini.

Kata Latifah, beberapa dasar baru kenaikan pangkat yang akan diperkenalkan juga, menumpukan kepada kecemerlangan akademik.

Antara lain dasar baru atau lama yang dimantapkan semula itu dikatakan menetapkan kenaikan pangkat ke pensyarah kanan mesti memiliki PhD selain syarat-syarat lain manakala jawatan profesor mesti menyelia sehingga lulus tujuh calon PhD.

Jelas Latifah lagi, setakat ini belum ada keputusan 'hitam putih' mengenai polisi dan prosedur baru bagi kenaikan pangkat itu.

"Kita memang bercadang untuk menentukan polisi baru bagi meningkatkan kecemerlangan UUM tetapi perkara ini akan diperhalusi lagi dan bagi tahun ini penilaian peringkat fakulti masih seperti biasa," katanya.

Mengenai kebimbangan pensyarah berkaitan langkah baru itu yang dikatakan menyukarkan lagi kenaikan pangkat dan menguntungkan mereka yang sudah berjaya pada tahun lalu dan sebelumnya.

Latifah berkata, ia perkara biasa yang perlu diterima apabila polisi baru diperkenalkan.

Mengenai ada pensyarah yang dikatakan minum pagi berjam-jam di kantin, Latifah berkata, beliau juga menerima maklumat mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, menurutnya, pensyarah yang baik tidak akan membazirkan masa sesuka hati kerana rezeki yang diterima itu mestilah halal dan mereka perlu sedar akan tanggungjawab sebenar berada universiti.

UUM / 449 / UM / 19.11.2005 / P: 27 (1)